Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

19 juta kanak-kanak Sudan tak bersekolah akibat konflik

Oktober 10, 2023 @ 10:35am



Foto fail UNICEF

NEW YORK: Dianggarkan 19 juta kanak-kanak di Sudan tidak bersekolah ekoran konflik ketenteraan, menurut Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dan *Save the Children* dalam satu kenyataan bersama pada Isnin, lapor Xinhua.

Daripada jumlah itu, kira-kira 6.5 juta kanak-kanak tidak dapat ke sekolah dan sekurang-kurangnya 10,400 sekolah ditutup.

Sementara itu, lebih 5.5 juta kanak-kanak yang tinggal di kawasan yang kurang terjejas akibat perang, sedang menunggu pihak berkuasa tempatan untuk mengesahkan sama ada sekolah boleh dibuka semula.

Sudan mempunyai 23 juta kanak-kanak yang menyumbang kepada hampir separuh daripada jumlah penduduk negara itu.